

UGB10-07 00141 BH588

aab

Mahathir - Industri

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masanya telah tiba bagi Malaysia mengimport bahan-bahan mentah, memprosesnya dan kemudian mengekspor tnya secara besar-besaran.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus menggalakkan perkembangan industri sedemikian walaupun usaha akan diteruskan untuk menggalakkan industri berasaskan sumber.

Di samping itu, kerajaan akan memberi tumpuan yang sewajarnya kepada industri berat kerana ia merupakan asas kemajuan sebuah negara industri, katanya semasa membentangkan usul Rancangan Malaysia Keenam (RMK) di Dewan Rakyat hari ini.

Katanya, tumpuan RMK adalah ke arah menggalakkan pertumbuhan sumber baru bagi mengukuhkan dan mempelbagaikan asas industri.

Memandangkan kekurangan tenaga pekerja, kerajaan akan memberi galakan kepada industri yang berintensif modal dan menggunakan teknologi yang canggih disamping mengekalkan kepesntingan industri tradisional seperti elektronik, tekstil dan pakaian.-- lagi

♥10/07/18-20MST

UGB 10-07 00132 BH589

aab

Mahathir - Industri 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata kemampuan industri kecil dan sederhana akan ditingkatkan supaya mereka dapat membekalkan keperluan input kepada syarikat-syarikat yang lebih besar serta dapat menembusi pasaran eksport.

Menurutnya, kerajaan telah mengambil langkah untuk memajukan tapak-tapak perusahaan khas untuk menempatkan semula industri kecil dan sederhana terutama kilang besi dan kejuruteraan serta industri berasaskan kayu.

Katanya, pada masa ini, kerajaan sedang mengkaji untuk menggubal satu program ynnny menyeluruh untuk pembangunan industri kecil dan sederhana supaya peranannya dapat dipertingkatkan.

Bagi industri pelancongan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata pelancongan dalam negeri akan digalakkan untuk mengurangkan aliran keluar wang.

Pelan-pelancongan kebanysaan yang sedang disediakan akan memberi garis panduan untuk memajukan industri pelancongan dimasa depan, katanya.-- Bernama

♥10/07/18-21MST